



Ministry of Education  
SINGAPORE

## SKIM BANTUAN KEWANGAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN (FAS) 2025

Kementerian Pendidikan menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar warga Singapura daripada Sekolah Pemerintah dan Bantuan Pemerintah yang memerlukan bantuan kewangan untuk pengajian mereka.

### KRITERIA PENDAPATAN

Pendapatan Bulanan  
Kasar Isi Rumah =

**\$3,000**

ATAU KURANG

ATAU

Pendapatan Per Kapita =

**\$750**

ATAU KURANG

Pendapatan Per Kapita =

Jumlah Pendapatan Bulanan Kasar Isi Rumah  
dibahagikan dengan Bilangan Ahli Isi Rumah

### FAEDAH

Perkara	Peringkat Akademik		
	Rendah	Menengah	Prauniversiti
Yuran Sekolah	Tidak berkaitan	Subsidi penuh \$5 sebulan	Subsidi penuh \$6 sebulan
Yuran Rampaian Standard	Subsidi penuh \$13 sebulan	Subsidi penuh \$20 sebulan	Subsidi penuh \$27 sebulan
Buku teks	Buku teks percuma		Tidak berkaitan
Pakaian Seragam Sekolah	Pakaian seragam sekolah percuma		Tidak berkaitan
Subsidi Pengangkutan*	65% tambang bas sekolah setiap bulan untuk pelajar yang menaiki bas sekolah; atau  Subsidi pengangkutan \$17 sebulan bermula pada bulan kelulusan diperoleh, hingga \$204 setahun untuk pelajar yang menaiki pengangkutan awam	Subsidi pengangkutan \$17 sebulan bermula pada bulan kelulusan diperoleh, hingga \$204 setahun untuk pelajar yang menaiki pengangkutan awam	
Subsidi Makanan Sekolah <sup>^</sup>	Subsidi bagi 7 hidangan makanan setiap 5 hari minggu sekolah bermula pada bulan kelulusan diperoleh, hingga 40 minggu persekolahan setahun	Subsidi bagi 10 hidangan makanan setiap 5 hari minggu sekolah bermula pada bulan kelulusan diperoleh, sehingga 40 minggu persekolahan setahun	Tidak berkaitan
Dermaiswa	Tidak berkaitan		\$1,200 setahun

\*Jika kelulusan permohonan FAS tidak bermula pada bulan Januari, subsidi pengangkutan akan dikenakan secara prorata bermula pada bulan selepas permohonan anda diluluskan hingga Disember tahun yang sama.

<sup>^</sup>Subsidi bagi makanan yang dibeli dan dimakan di sekolah.

### CARA PERMOHONAN?

Borang permohonan boleh didapati di laman web sekolah dan MOE. Pihak sekolah akan memaklumi anda tentang keputusan permohonan anda.

### PERLUKAN BANTUAN TAMBAHAN?

Jika anda memerlukan bantuan tambahan, anda boleh menghubungi sekolah anak anda untuk mendapatkan bantuan kewangan tambahan.

Pihak sekolah juga boleh membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah untuk memiliki komputer riba dan/atau mendapatkan akses internet jalur lebar pada harga yang dimampui melalui program akses digital IMDA<sup>^</sup> ([www.digitalaccess.gov.sg](http://www.digitalaccess.gov.sg)).

Untuk pertanyaan, sila hubungi 6377 3800 atau e-mel: [digitalaccess@imda.gov.sg](mailto:digitalaccess@imda.gov.sg).

#Tertakluk kepada kelayakan dan ketersediaan.

### MAKLUMAT LAIN

#### Ibu bapa yang mempunyai anak di sekolah yang berbeza

Anda hanya perlu menyerahkan satu borang permohonan untuk semua anak anda yang bersekolah di salah satu sekolah mereka. Sekolah yang menerima borang permohonan akan memaklumi anda keputusan untuk semua anak anda.

#### Pelajar Darjah 6 yang akan ke Menengah 1 pada tahun 2025

Pelajar Darjah 6 boleh memohon FAS MOE di sekolah rendah mereka untuk Menengah 1 tahun hadapan.

Untuk maklumat lanjut, lawati [www.moe.gov.sg/financial-matters/financial-assistance/](http://www.moe.gov.sg/financial-matters/financial-assistance/)